

## **Pengaruh Tingkah Laku Hutang Terhadap Kesejahteraan Keuangan Mahasiswa**

### *The Influence of Debt Behavior on Students' Financial Well-Being*

**Cheng Boon Xing<sup>1</sup>, Rubayah Yakob<sup>1</sup>, Nurul Hidayah Md Razali<sup>1\*</sup> & Khaira Amalia Fachrudin<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>*Faculty of Economics and Management, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 UKM Bangi, Selangor, Malaysia*

<sup>2</sup>*Fakultas Ekonomi Bisnis, Universitas Sumatera Utara, Jl. Prof. T. M. Hanafiah, S.H., Kampus USU, Indonesia*

\*Corresponding author: [hidayahmdrazali@ukm.edu.my](mailto:hidayahmdrazali@ukm.edu.my)

#### **ABSTRAK**

Peningkatan kebergantungan mahasiswa terhadap pinjaman pendidikan dan kemudahan kredit menimbulkan kebimbangan terhadap kesejahteraan kewangan generasi muda. Kajian ini menilai pengaruh tingkah laku hutang terhadap kesejahteraan kewangan mahasiswa, dengan menggunakan data seramai 110 responden yang dipilih melalui persampelan dua peringkat (kuota dan mudah). Analisis menggunakan regresi linear mudah dengan kesejahteraan kewangan sebagai pembolehubah bersandar dan tingkah laku hutang sebagai pembolehubah tidak bersandar. Keputusan kajian menunjukkan tingkah laku hutang memberi kesan positif dan signifikan terhadap kesejahteraan kewangan. Penemuan ini menunjukkan bahawa kesedaran awal tentang implikasi hutang membantu mahasiswa mengurus komitmen kewangan secara lebih berhemat, walaupun berdepan pinjaman pendidikan, hutang peribadi, dan kemudahan bayar kemudian. Kajian ini menyumbang kepada pengayaan literatur mengenai kewangan mahasiswa dengan bukti empirikal baharu serta mencadangkan penggubal dasar dan pemberi pinjaman pendidikan memperkukuh pemantauan dan program literasi kewangan bagi mengelakkan masalah hutang melampau yang boleh menjejaskan kesejahteraan kewangan mahasiswa.

**Kata kunci:** Tingkah Laku Hutang; Kesejahteraan Keuangan; Mahasiswa; Pinjaman Pendidikan; Literasi Keuangan

**Received:**  
**October 4,**  
**2025**

**Revised:**  
**November 24,**  
**2025**  
**November 25,**  
**2025**

**Accepted:**  
**November 26,**  
**2025**

**Online**  
**Published:**  
**November 26,**  
**2025**

## ABSTRACT

*The rising reliance of university students on education loans and credit facilities has raised concerns regarding the financial well-being of the younger generation. This study examines the influence of debt behaviour on students' financial well-being, using data from 110 respondents selected through a two-stage sampling method (quota and convenience). Simple linear regression analysis was employed, with financial well-being as the dependent variable and debt behaviour as the independent variable. The results reveal a positive and significant effect of debt behaviour on financial well-being. These findings suggest that early awareness of debt implications enables students to manage financial commitments more prudently, despite facing education loans, personal borrowings, and buy-now-pay-later facilities. This study contributes to the literature on student financial management by providing new empirical evidence and recommends that policymakers and education loan providers enhance monitoring and financial literacy initiatives to prevent excessive debt that may undermine students' financial well-being.*

**Keywords:** *Debt Behaviour; Financial Well-being; University Students; Student Loans; Financial Literacy*

## PENGENALAN

Kesejahteraan kewangan merujuk kepada tahap kepuasan individu terhadap keadaan kewangan peribadi serta keupayaan untuk memenuhi keperluan hidup secara berterusan (Zaimah & Sarmila, 2013; Xiao, 2016). Ia dianggap sebagai salah satu domain utama kesejahteraan hidup, kerana kestabilan kewangan bukan sahaja mempengaruhi aspek material, tetapi juga kesejahteraan psikologi dan sosial seseorang. Kesejahteraan kewangan turut bergantung kepada gabungan pengetahuan, kemahiran, sikap dan tingkah laku dalam membuat keputusan kewangan yang bijak (Atkinson & Messy, 2023).

Walau bagaimanapun, fenomena semasa menunjukkan tahap kesejahteraan kewangan belia berada pada tahap yang membimbangkan. Menurut Jabatan Insolvensi Malaysia (2022), belia ditakrifkan sebagai mereka berusia 30 tahun ke bawah. Sebanyak 770 belia daripada 5659 individu telah diisytiharkan muflis. Kajian lepas turut mendapati ramai belia tidak berpuas hati dengan tahap kewangan mereka, dan hutang sering kali menjadi faktor utama yang menjejaskan hubungan sosial serta kesejahteraan hidup (Muhamad & Norwani, 2019). Statistik lain menunjukkan 73 peratus belia Malaysia sudah mempunyai komitmen hutang (Hibrahim, 2023), termasuk hutang pendidikan yang berlanjutan selepas tamat pengajian (Raman, 2021). Keadaan ini diperburuk oleh pendapatan yang tidak setara dengan perbelanjaan, menyebabkan golongan muda terpaksa menanggung hutang tambahan untuk memenuhi keperluan asas (Abdullah & Sabri, 2016; Cavalletti et al. 2023).

Dalam kategori belia ini, mahasiswa merupakan kumpulan yang amat signifikan kerana mereka bukan sahaja berdepan kos sara hidup, tetapi juga komitmen hutang pendidikan. Walaupun masih di bangku pengajian, ramai mahasiswa telah memikul beban hutang melalui pinjaman seperti Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) atau biasiswa berbentuk pinjaman boleh ubah. Kajian terdahulu menunjukkan bahawa majoriti mahasiswa tidak merancang perbelanjaan mereka dengan baik kerana bergantung kepada ibu bapa atau

pinjaman pendidikan (Dahlia, Rabitah & Zuraidah, 2009). Hal ini menunjukkan bahawa mahasiswa, sebagai sebahagian daripada belia, terdedah kepada cabaran kesejahteraan kewangan yang sama, malah berpotensi lebih teruk kerana memulakan alam dewasa dengan tanggungan hutang.

Dalam konteks ini, tingkah laku kewangan, khususnya tingkah laku hutang berpotensi menjadi antara faktor penting yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan mahasiswa. Walau bagaimanapun, peranan sebenar tingkah laku hutang terhadap kesejahteraan kewangan mahasiswa masih belum jelas. Sebahagian besar penyelidikan lebih menumpukan kepada golongan pekerja muda, manakala kajian empirikal yang meneliti mahasiswa sebagai kumpulan belia masih terbatas. Jurang ini menuntut penyelidikan lanjut untuk memahami sejauh mana tingkah laku hutang memberi kesan terhadap kesejahteraan kewangan mahasiswa.

Sehubungan itu, objektif kajian ini adalah untuk menilai pengaruh tingkah laku hutang terhadap kesejahteraan kewangan mahasiswa. Kajian ini menyumbang kepada literatur dengan memperkukuh pemahaman mengenai peranan tingkah laku hutang dalam membentuk kesejahteraan kewangan belia, khususnya dalam kalangan mahasiswa. Dari segi praktikal, dapatan kajian diharap dapat memberi input berguna kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta institusi pembiaya pendidikan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), PTPTN dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam merangka dasar serta program literasi kewangan yang lebih efektif, sekali gus mengurangkan risiko masalah hutang melampau dalam kalangan mahasiswa.

## **KAJIAN LITERATUR**

Pengurusan kewangan individu merupakan aspek penting kerana ia berupaya menyumbang kepada kesejahteraan kewangan seseorang (Chavali, Raj, & Ahmed, 2021). Kesejahteraan kewangan merangkumi elemen kecukupan dan keselamatan kewangan individu atau keluarga dalam menghadapi risiko ekonomi seperti pengangguran, penyakit kronik, muflis, kemiskinan, dan masalah kewangan selepas bersara (Fan & Babiartz, 2019). Malah, kesejahteraan kewangan merupakan salah satu domain utama yang memberi kesan signifikan terhadap kesejahteraan keseluruhan individu (Netemeyer et al., 2018). Tahap ini dapat menunjukkan keadaan kewangan seseorang, yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor termasuk pengetahuan kewangan, tingkah laku, dan sikap (Xiao & Porto, 2022). Ia juga berkembang apabila individu mampu memenuhi keperluan kewangan jangka pendek dan jangka panjang (Hamidi et al., 2018).

Di peringkat makroekonomi, pertumbuhan ekonomi masyarakat sering diukur melalui pendapatan per kapita. Ukuran ini hanya menggambarkan purata pendapatan penduduk, tetapi tidak semestinya mencerminkan tahap kesejahteraan kewangan masyarakat secara menyeluruh (Oquaye et al., 2020). Hal ini kerana individu dalam sesebuah negara mungkin masih berdepan masalah kewangan meskipun negara tersebut mencatatkan pendapatan per kapita yang tinggi. Sebagai contoh, laporan di Amerika Syarikat mendapati sebahagian besar individu menghadapi masalah kesejahteraan kewangan walaupun memiliki pendapatan yang tinggi (*Consumer Financial Protection Bureau*, 2019). Keadaan ini menegaskan bahawa kesejahteraan kewangan adalah isu yang kompleks dan tidak boleh diukur hanya berdasarkan tahap pendapatan semata-mata.

Dalam konteks yang lebih mikro, peningkatan beban hutang individu menjadi faktor yang semakin membimbangkan (Leandro, 2022). Hutang merujuk kepada liabiliti yang timbul daripada pinjaman dengan pihak ketiga, termasuk bank, pajak gadai, atau kemudahan seperti “beli dahulu, bayar kemudian” (Dusia et al., 2022). Tingkah laku hutang merujuk kepada corak

tindakan individu berkaitan pengurusan kewangan, merangkumi aspek aliran tunai, pengurusan hutang, simpanan, dan pelaburan (Nyoto et al., 2021). Kajian Bolognesi et al., (2020) misalnya, menunjukkan bahawa golongan dewasa muda berusia 18 hingga 35 tahun cenderung mempamerkan tingkah laku hutang yang tidak sihat. Tingkah laku sebegini memberi kesan langsung terhadap keupayaan seseorang menguruskan prestasi kewangan, yang pengurusan hutang yang baik boleh mengelakkan masalah kewangan termasuk disenaraihitamkan oleh bank atau diisytiharkan bankrap (Nizam & Norlita, 2021).

Sejumlah kajian terdahulu menegaskan bahawa tingkah laku hutang merupakan antara faktor utama yang mempengaruhi kesejahteraan kewangan, malah dalam beberapa keadaan ia dilihat lebih dominan berbanding faktor lain seperti literasi kewangan atau tekanan kewangan, khususnya dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah (Rahman et al., 2021). Walau bagaimanapun, dapatan kajian mengenai hubungan ini masih bercampur-campur. Sebagai contoh, Mandeep (2020) mendapati hubungan yang positif antara tingkah laku hutang dan kesejahteraan kewangan, manakala Tahir dan Ahmed (2021) menunjukkan hubungan negatif. Radianto et al., (2020) pula menegaskan bahawa pengaruh tingkah laku hutang terhadap kesejahteraan kewangan masih belum dapat dirumuskan secara konklusif, menandakan perlunya kajian lanjut dalam konteks yang berbeza.


Dalam konteks Malaysia, penyelidikan yang ada juga menunjukkan penekanan yang berbeza. Abdullah et al., (2019) meneliti pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda, manakala Rahman et al. (2021) menekankan kepentingan tingkah laku hutang dalam mempengaruhi kesejahteraan kewangan golongan B40. Kajian oleh Pak et al. (2022) pula memfokuskan kepada golongan remaja, sementara kajian tempatan terhadap mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) lebih menekankan aspek literasi kewangan, pengalaman kewangan, dan tahap kesihatan kewangan (Sabri et al., 2022). Walaupun kesemua dapatan ini memberikan gambaran penting, masih wujud kelompongan penyelidikan yang meneliti secara khusus kesan tingkah laku hutang terhadap kesejahteraan kewangan dalam kalangan mahasiswa.

Justeru, mahasiswa merupakan kumpulan yang wajar diberi perhatian kerana mereka bukan sahaja sedang membentuk corak pengurusan kewangan peribadi, malah bakal berdepan cabaran kewangan yang lebih kompleks apabila memasuki alam pekerjaan. Hutang pendidikan, kos sara hidup yang meningkat, serta akses mudah kepada kredit boleh memberi kesan jangka panjang terhadap kesejahteraan kewangan mereka (Fan, 2023). Malah, beban hutang yang ditanggung semasa pengajian turut mempengaruhi kesejahteraan subjektif dan pilihan kerjaya graduan (Choi, 2020). Oleh kerana mahasiswa bakal mengisi pasaran buruh dan menjadi sebahagian daripada pengguna kewangan aktif pada masa hadapan, pemahaman tentang tingkah laku hutang mereka adalah penting untuk menilai implikasi terhadap kesejahteraan kewangan generasi muda secara menyeluruh. Berdasarkan hujahan literatur ini, hipotesis kajian yang diuji adalah:

*H<sub>1</sub>: Tingkah laku hutang mempunyai kesan yang positif dan signifikan terhadap kesejahteraan kewangan mahasiswa.*

## **Rajah 1**

### *Kerangka Konseptual Kajian*



## **Instrumen Kajian**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dan menggunakan data primer. Data primer diperoleh daripada borang soal selidik yang diedarkan secara talian menggunakan *Google Form* kepada responden melalui platform *whatsapp* dan *telegram*. Berdasarkan Jadual 1, soal selidik ini terdiri daripada tiga (3) bahagian dan soalan adalah dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Bahagian A merangkumi soalan tentang demografi responden seperti jantina, kaum, umur, fakulti, tahap pengajian, tahun pengajian, dan pendapatan isi rumah serta sumber kewangan. Dalam pada itu, demografi berkaitan umur adalah dalam format soalan terbuka untuk memperoleh umur responden yang lebih objektif. Seterusnya, Bahagian B mengandungi 6 item yang berkaitan dengan tingkah laku hutang. Sementara itu, Bahagian C terdiri daripada 7 item yang berkaitan dengan kesejahteraan kewangan. Format maklum balas untuk Bahagian B dan C berbentuk skala Likert-5 mata iaitu 1=Sangat Tidak Setuju, 2=Tidak Setuju, 3=Tidak Pasti, 4=Setuju, dan 5=Sangat Setuju.

## **Populasi dan sampel kajian**

Populasi kajian ini merangkumi mahasiswa di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Untuk tujuan pengumpulan data yang sistematik dan representatif, kaedah pensampelan dua peringkat digunakan, iaitu pensampelan kluster diikuti dengan pensampelan mudah (*convenience sampling*).

Pada peringkat pertama, mahasiswa diklusterkan berdasarkan universiti. UKM dipilih sebagai kluster kajian kerana prinsip pensampelan kluster menyatakan bahawa inter-kluster adalah relatif homogen, manakala intra-kluster adalah heterogen, justeru satu kluster mampu mewakili populasi yang lebih luas (Henry, 1990; Sekaran & Bougie, 2016). Pemilihan ini membolehkan penyelidik menangkap kepelbagaian latar belakang, fakulti, dan disiplin dalam satu universiti besar, sambil mengekalkan kesesuaian dari segi sumber dan logistik kajian.

Pada peringkat kedua, kluster UKM dibahagikan mengikut fakulti. Semua fakulti diambil kira untuk memastikan keterwakilan silang disiplin, manakala pemilihan responden individu dalam setiap fakulti dilakukan melalui pensampelan mudah. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan pengumpulan data yang praktikal dalam konteks penyelidikan sosial dan sering digunakan apabila masa dan sumber menjadi kekangan (Etikan, Musa, & Alkassim, 2016). Sampel yang berjaya dikutip melalui kaedah pensampelan ini adalah sebanyak 110 responden. Jumlah ini dianggap mencukupi untuk kajian sosial, sejajar dengan cadangan Roscoe (1975) dan Sekaran & Bougie (2016), yang menyatakan bahawa saiz sampel yang sesuai bagi kajian sebegini adalah lebih daripada 30.

**Jadual 1**

*Butiran Soal Selidik*

Bahagian	Butiran	Bilangan Item	Item
A	Demografi	8	
B	Tingkah laku hutang (TLH)	6	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Sebelum meminjam wang saya mencari informasi yang berkaitan.</li> <li>2. Semasa saya meminjam wang, saya terlebih dahulu melakukan pemeriksaan menyeluruh terhadap semua hal yang terkait serta membuat pertimbangan cermat terhadap semua pilihan yang tersedia.</li> <li>3. Saya tidak pernah meminjam wang untuk membayar hutang saya yang sebelumnya.</li> <li>4. Saya tidak pernah meminjam wang secara bersamaan dari lebih dari satu sumber; misalnya bank, perusahaan pinjaman peribadi/pinjaman gaji, pembelian secara angsuran, pegadaian, keluarga, dll.</li> <li>5. Saya selalu membayar hutang saya tepat pada masanya.</li> <li>6. Saya selalu membayar bil tepat pada masanya.</li> </ol>
C	Kesejahteraan kewangan (KK)	7	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bagaimana anda menilai kepuasan anda dengan kewangan peribadi anda?</li> <li>2. Bagaimana perasaan anda tentang keadaan kewangan semasa anda?</li> <li>3. Sejauh mana anda rasa selamat tentang rancangan masa depan anda?</li> <li>4. Sejauh manakah anda yakin akan mempunyai masa depan yang selesa?</li> <li>5. Sejauh manakah anda yakin untuk mencari wang untuk membayar kos kecemasan kewangan?</li> <li>6. Berapa kerap anda tidak mampu dari segi kewangan untuk menikmati melakukan perkara yang anda suka bersama rakan dan keluarga anda?</li> <li>7. Berapa kerap anda bimbang untuk menampung perbelanjaan sara hidup bulanan anda?</li> </ol>

**Kaedah Analisis Data**

Menurut kajian Rahman et al., (2021), kaedah regresi linear mudah diaplikasikan bagi menganalisis hubungan antara pembolehubah tidak bersandar dengan pembolehubah bersandar. Oleh itu, kajian ini menggunakan model regresi linear mudah bagi mengenal pasti pengaruh tingkah laku hutang (TLH) terhadap kesejahteraan kewangan (KK) mahasiswa di Malaysia. Dalam kajian ini, tingkah laku hutang sebagai pembolehubah tidak bersandar, manakala kesejahteraan kewangan adalah pembolehubah bersandar. Rumus yang terlibat adalah seperti persamaan (1) berikut:

$$KK = a + bTLH + e \tag{1}$$

Pengukuran bagi pembolehubah yang terlibat dalam rumus di atas dinyatakan dalam Jadual 2.

**Jadual 2**

*Pengukuran Pembolehubah*

Pembolehubah	Simbol	Pengukuran
Pembolehubah bersandar		
Kesejahteraan Kewangan	KK	Skala Likert 5- mata
Pembolehubah tidak bersandar		
Tingklah Laku Hutang	TLH	Skala Likert 5- mata
a		pemalar
b		pekali

## ANALISIS DAN HASIL KAJIAN

### Hasil Statistik Deskriptif

Kajian ini melibatkan seramai 110 orang responden. Dari segi jantina, majoriti adalah perempuan (70%) berbanding lelaki (30%), selari dengan tren umum pengajian tinggi di Malaysia yang menunjukkan penyertaan pelajar perempuan lebih tinggi berbanding lelaki. Dari aspek etnik, pelajar Melayu merupakan kumpulan terbesar (74.5%), diikuti Cina (17.3%), India (2.7%) dan lain-lain (5.5%), yang menggambarkan pola komposisi pelajar universiti awam tempatan yang sememangnya didominasi oleh kaum Melayu.

Dari segi akademik, penyertaan tertinggi datang daripada Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (22.7%), Fakulti Ekonomi dan Pengurusan (16.4%) serta Fakulti Sains Kesihatan (14.5%). Taburan ini menunjukkan penglibatan aktif pelajar daripada fakulti yang menekankan aspek kemasyarakatan, ekonomi dan kesihatan. Majoriti responden adalah pelajar peringkat Sarjana Muda (91.8%), manakala Sarjana hanya 8.2%. Dari sudut tahun pengajian, pelajar tahun ketiga mencatatkan bilangan terbesar (44.5%), yang berkemungkinan kerana mereka lebih berpengalaman mengurus kewangan berbanding pelajar tahun pertama atau kedua.

Dari perspektif sosioekonomi, hampir separuh responden datang daripada keluarga berpendapatan rendah (<RM2500), manakala 30.9% daripada keluarga berpendapatan tinggi (≥RM4850). Keadaan ini menunjukkan jurang latar belakang kewangan yang agak ketara dalam kalangan mahasiswa. Sumber kewangan utama ialah pinjaman pendidikan (39.1%), diikuti sokongan ibu bapa (31.8%) dan biasiswa (21.8%), sejajar dengan sistem pembiayaan pendidikan tinggi di Malaysia. Dari segi hutang, 81.8% responden menyatakan mereka pernah berhutang, dengan pinjaman pendidikan sebagai bentuk hutang utama (60%), diikuti hutang kepada rakan (41.8%) dan kemudahan pay later (29.1%). Menariknya, kebanyakan responden hanya berhutang sekali setahun (53.6%), menunjukkan bahawa hutang lebih bersifat keperluan berkala berbanding amalan berterusan.

### Jadual 3

#### *Profil Responden*

<b>Jantina</b>	<b>Peratusan (%)</b>
Lelaki	30
Perempuan	70
<b>Kaum</b>	
Cina	17.3
Melayu	74.5
India	2.7
Lain-lain	5.5
<b>Fakulti</b>	
FEP	16.4
FST	6.4
FPI	5.5
FSSK	22.7
FKAB	10
FFAR	9.1
FSK	14.5
FGG	0.9
FUU	12.7
PPCU	1.8

<b>Tahap Pengajian</b>	
Diploma	0
Sarjana Muda	91.8
Sarjana	8.2
PHD	0
<b>Tahun Pengajian</b>	
1	15.5
2	28.2
3	44.5
4	11.8
Lain-lain	0
<b>Pendapatan Isi Rumah</b>	
Kurang daripada RM2,500	45.5
RM2,501 – RM3.170	10
RM3,171– RM3,970	4.5
RM3,971 – RM4,850	9.1
RM4,850 ke atas	30.9
<b>Sumber Kewangan</b>	
Biasiswa	21.8
Pinjaman	39.1
Ibu Bapa	31.8
Sendiri (Simpanan dan Pendapatan Pekerjaan Sambilan)	5.5
Lain-lain	1.8
<b>Adakah and pernah berhutang</b>	
Ya	81.8
Tidak	18.2
<b>Seberapa sering anda berhutang</b>	
Tidak pernah	14.5
Kurang dari satu tahun sekali	43.6
Paling sedikit satu kali dalam enam bulan	10
Sekali sebulan	11.8
Lebih dari sekali dalam sebulan	1.8
Sekali seminggu	0
Lebih dari satu kali seminggu	1.8

Jadual 4 menunjukkan bahawa purata umur responden ialah 22 tahun, dengan umur minimum 19 tahun dan maksimum 43 tahun. Nilai sisihan piawai sebanyak 3.413 menggambarkan bahawa walaupun majoriti responden berada dalam lingkungan awal 20-an, terdapat variasi umur yang agak ketara dalam kalangan sampel. Variasi ini wujud kerana selain mahasiswa prasiswazah, kajian turut melibatkan pelajar pada peringkat pascasiswazah yang secara umumnya berusia lebih lanjut. Hal ini menjelaskan kewujudan responden berumur sehingga 43 tahun, sekali gus mewujudkan taburan umur yang lebih tersebar berbanding jika kajian hanya melibatkan mahasiswa prasiswazah.

Dari segi bilangan hutang, responden mencatatkan purata 1.6, dengan nilai minimum 1 dan maksimum 4, manakala sisihan piawai adalah 0.770. Ini menunjukkan bahawa secara umum mahasiswa tidak mempunyai bilangan hutang yang tinggi, namun terdapat variasi sederhana kerana sebahagian responden menanggung lebih daripada satu komitmen kewangan, sama ada dalam bentuk pinjaman pendidikan, hutang peribadi, atau kemudahan kredit seperti “beli dahulu, bayar kemudian.”

**Jadual 4**  
*Profil Responden*

	N	Minimum	Maksimum	Purata	Sisihan Piawai
Umur	110	19	43	22.17	3.413
Bilangan hutang	110	1	4	1.59	0.770

### Hasil Analisis Kebolehpercayaan

Jadual 5 menunjukkan keputusan analisis kebolehpercayaan bagi pembolehubah utama kajian, iaitu tingkah laku hutang (TLH) dan kesejahteraan kewangan (KK). Berdasarkan konvensyen umum, nilai pekali *Cronbach's Alpha* melebihi 0.9 dikategorikan sebagai cemerlang (*excellent*), antara 0.8 hingga 0.9 sebagai baik (*good*), antara 0.7 hingga 0.8 sebagai boleh diterima (*acceptable*), antara 0.6 hingga 0.7 sebagai dipersoalkan (*questionable*), antara 0.5 hingga 0.6 sebagai lemah (*poor*), manakala kurang daripada 0.5 dianggap tidak boleh diterima (Ramasamy, Husaina, & Muhammad Faizal, 2018). Secara asasnya, pembolehubah dianggap mempunyai kebolehpercayaan yang memadai apabila nilai *Cronbach's Alpha* melebihi 0.7 (Wardana et al., 2022).

Dalam kajian ini, konstruk TLH memperoleh nilai *Cronbach's Alpha* sebanyak 0.739, menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang boleh diterima. Sementara itu, konstruk KK mencatatkan nilai *Cronbach's Alpha* sebanyak 0.863, yang berada pada tahap baik. Oleh itu, item-item yang digunakan bagi mengukur kedua-dua konstruk ini mempunyai ketekalan dalaman yang memuaskan serta diyakini sesuai untuk analisis selanjutnya.

**Jadual 5**  
*Hasil Analisis Kebolehpercayaan*

Pembolehubah	<i>Cronbach's Alpha</i>	Bilangan Item
Tingkah laku hutang (TLH)	0.739	6
Kesejahteraan kewangan (KK)	0.863	7

Jadual 6 memperlihatkan analisis deskriptif bagi dua pembolehubah utama kajian. Skor purata bagi tingkah laku hutang (TLH) adalah 4.247, menunjukkan tahap yang tinggi dalam kalangan mahasiswa. Hal ini mencerminkan bahawa secara relatif, mereka masih berupaya mengurus hutang dengan baik. Justifikasi yang mungkin ialah kedudukan mereka sebagai pelajar yang belum sepenuhnya terdedah kepada kemudahan kredit berisiko tinggi di pasaran kewangan terbuka, seperti pinjaman peribadi atau kad kredit yang mudah diperoleh. Sebaliknya, hutang mereka lebih tertumpu kepada pinjaman pendidikan atau pinjaman kecil lain yang bersifat keperluan asas, menjadikan corak hutang lebih terkawal.

Purata skor bagi kesejahteraan kewangan (KK) pula adalah 3.352, yang berada pada tahap sederhana. Dapatan ini berkemungkinan besar dipengaruhi oleh profil demografi responden, khususnya majoriti yang datang daripada isi rumah berpendapatan rendah (B40) serta pergantungan yang tinggi kepada pinjaman pendidikan dan sokongan kewangan ibu bapa. Walaupun mahasiswa menunjukkan corak pengurusan hutang yang baik, keterbatasan sumber kewangan semasa serta kos sara hidup yang meningkat menjadikan tahap kesejahteraan kewangan mereka masih belum mencapai tahap tinggi.

**Jadual 6**  
*Analisis Deskriptif*

Pembolehubah	Purata	Sisihan Piawai
KK	3.352	0.767
TLH	4.247	0.600

**Keputusan Regresi**

Berdasarkan Jadual 7, nilai  $R^2 = 0.104$  menunjukkan bahawa sebanyak 10.4% daripada variasi dalam kesejahteraan kewangan (KK) dapat dijelaskan oleh pembolehubah tidak bersandar, iaitu tingkah laku hutang (TLH). Walaupun nilai ini sederhana, ia tetap menandakan bahawa TLH memberi sumbangan yang bermakna kepada variasi kesejahteraan kewangan, manakala 89.6% selebihnya dijelaskan oleh faktor-faktor lain yang tidak diuji dalam model ini.

Keputusan ujian F ( $F = 12.542$ ;  $p < 0.001$ ) membuktikan bahawa model regresi secara keseluruhannya adalah signifikan pada aras keertian 1%. Ini menunjukkan bahawa model yang dibina adalah sah digunakan dan sekurang-kurangnya terdapat satu pembolehubah tidak bersandar yang memberikan kesan yang nyata terhadap kesejahteraan kewangan.

Dari segi koefisien, keputusan analisis menunjukkan bahawa tingkah laku hutang mempunyai nilai koefisien piawai  $\beta = 0.323$  ( $p < 0.001$ ). Saiz pengaruh ini boleh ditafsirkan sebagai kesan sederhana ke arah positif, iaitu peningkatan dalam TLH akan disertai dengan peningkatan yang setara dalam KK. Dengan kata lain, semakin baik tingkah laku hutang pelajar, semakin tinggi tahap kesejahteraan kewangan yang dicapai. Tambahan pula, nilai koefisien tak piawai ( $B = 0.413$ ) memperlihatkan bahawa setiap peningkatan satu unit skor TLH akan meningkatkan skor KK sebanyak 0.413 unit.

Bukti statistik yang diperoleh adalah sangat kukuh, kerana nilai  $p < 0.001$  membolehkan hipotesis nol ( $H_0$ ) ditolak pada aras keertian 1%. Ini bermaksud terdapat keyakinan yang sangat tinggi bahawa hubungan positif yang diperoleh antara TLH dan KK bukanlah disebabkan oleh faktor kebetulan, tetapi sememangnya signifikan secara statistik. Berdasarkan hasil keputusan regresi linear mudah ini, maka persamaan regresi ditulis semula seperti dalam persamaan (2).

$$KK = 1.6 + 0.413TLH + e \tag{2}$$

**Jadual 7**  
*Keputusan Regresi Persamaan*

Model		Koefisien Tidak Standard		Beta	T	Sig.
		B	Sisihan Piawai			
1	Konstan	1.600	0.500	0.323	3.201	0.002
	TLH	0.413	0.117			

$F = 12.542$  ;  $p = <0.001$   
 $R^2 = 0.104$

Nota: \*signifikan pada  $\alpha = 1\%$

**PERBINCANGAN**

Hasil analisis regresi menunjukkan bahawa tingkah laku hutang (TLH) mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap kesejahteraan kewangan (KK) dalam kalangan pelajar UKM. Hal ini bermaksud, apabila TLH berada pada tahap yang baik iaitu pelajar menguruskan hutang secara berdisiplin, beretika, dan berhati-hati, maka KK juga akan berada pada tahap

yang lebih baik. Sebaliknya, sekiranya TLH berada pada tahap yang lemah, misalnya pelajar cenderung berhutang secara berlebihan atau menggunakan hutang untuk tujuan tidak produktif, maka KK akan menurun dan akhirnya memberi kesan negatif terhadap kedudukan kewangan mereka. Penemuan ini selaras dengan kajian Mandeep (2020) yang mendapati bahawa pendidikan kewangan berupaya meningkatkan TLH yang positif, sekali gus memberi kesan baik terhadap KK. Begitu juga Abdullah et al. (2019) yang menunjukkan hubungan positif antara kedua-dua pembolehubah, walaupun kekuatan hubungan yang dicatatkan adalah lebih lemah.

Korelasi positif ini mencerminkan hakikat bahawa hutang itu sendiri bukanlah sesuatu yang intrinsik buruk, sebaliknya bergantung kepada bagaimana ia diurus. Pelajar yang mampu mengurus pinjaman pendidikan, hutang dengan rakan, atau bentuk pembiayaan asas lain secara teratur menunjukkan tahap TLH yang tinggi, dan seterusnya mencapai kesejahteraan kewangan yang lebih baik kerana beban hutang mereka terkawal. Penemuan ini konsisten dengan dapatan analisis deskriptif sebelum ini, di mana majoriti pelajar masih berada dalam fasa awal kehidupan kewangan dan kebanyakannya bergantung kepada pinjaman pendidikan serta sokongan keluarga. Faktor ini menjadikan bentuk hutang mereka lebih mudah diurus, sekali gus menyumbang kepada keputusan regresi yang menunjukkan hubungan positif antara TLH dan KK. Keadaan ini konsisten dengan hujah O'Loughlin dan Szmigin (2006) bahawa TLH pelajar dipengaruhi oleh kesedaran diri dan muhasabah kewangan, yang secara langsung memberi kesan kepada tahap kesejahteraan kewangan mereka. Selanjutnya, dapatan ini turut mengukuhkan hasil kajian Rahman et al., (2021) yang menegaskan bahawa TLH merupakan faktor yang kuat dalam membentuk KK.

Namun begitu, hasil kajian ini juga memberi isyarat awal terhadap potensi risiko yang bakal dihadapi pelajar apabila mereka menamatkan pengajian dan memasuki pasaran kerja. Pada peringkat tersebut, mereka akan lebih terdedah kepada kemudahan kewangan di pasaran terbuka seperti kad kredit, pinjaman peribadi, kemudahan kredit digital (contohnya "*buy now pay later*"), dan pelbagai produk kewangan lain yang mudah diakses tetapi berisiko tinggi. Sekiranya TLH yang positif dan berdisiplin tidak dikekalkan, terdapat kemungkinan besar mereka akan terperangkap dalam kitaran hutang tidak produktif yang akhirnya mengheret kepada penurunan KK. Hubungan positif antara TLH dan KK yang ditunjukkan oleh model regresi ini bukan sahaja menggambarkan keadaan semasa pelajar UKM, tetapi juga menjadi amaran penting tentang keperluan membina asas pengurusan hutang yang mampan sebelum mereka benar-benar berhadapan dengan realiti pasaran kewangan. Justeru, seperti yang digariskan oleh Jamilakhon et al., (2020), peranan kerajaan dan institusi kewangan adalah penting bukan sahaja untuk menyediakan akses dana, tetapi juga membimbing pelajar dengan pengetahuan serta kemahiran pengurusan hutang yang berhemah agar kesejahteraan kewangan dapat dikekalkan secara mampan.

## **KESIMPULAN**

Kesejahteraan kewangan dalam kalangan mahasiswa semakin mencabar berikutan peningkatan kos sara hidup, komitmen akademik, serta kecenderungan terhadap penggunaan instrumen kredit seperti kad kredit dan pinjaman pendidikan. Situasi ini menggambarkan kerentanan belia terhadap risiko kewangan yang boleh menjejaskan kesejahteraan mereka pada masa kini dan masa hadapan. Sehubungan itu, kajian ini dijalankan dengan objektif untuk menilai pengaruh tingkah laku hutang terhadap kesejahteraan kewangan mahasiswa.

Hasil kajian membuktikan bahawa tingkah laku hutang mempunyai pengaruh yang positif dan signifikan terhadap kesejahteraan kewangan. Ini bermakna, mahasiswa yang mengamalkan

pengurusan hutang secara berdisiplin dan bertanggungjawab mampu mengekalkan tahap kesejahteraan kewangan yang lebih baik, manakala kegagalan berbuat demikian boleh meningkatkan risiko belunggu hutang serta menjejaskan kestabilan kewangan mereka. Dapatan ini sekali gus menegaskan bahawa pengurusan hutang merupakan komponen utama dalam membina literasi kewangan belia.

Dari sudut implikasi praktikal, hasil kajian ini menuntut perhatian serius daripada pelbagai pihak berkepentingan. KPT boleh bekerjasama dengan universiti bagi memperkukuh pendidikan kewangan melalui modul berfokus kepada pengurusan hutang dan latihan membuat keputusan kewangan. Di samping itu, agensi pemberi pinjaman pendidikan seperti PTPTN dan MARA wajar memperkenalkan mekanisme pemantauan yang lebih berkesan serta menyediakan bimbingan kewangan berterusan kepada peminjam agar mereka lebih bersedia mengurus komitmen hutang dengan baik. Institusi kewangan pula boleh memainkan peranan dalam menawarkan produk kewangan yang mesra belia serta program literasi kewangan yang praktikal.

Walau bagaimanapun, kajian ini berdepan keterbatasan dari aspek pengumpulan data, khususnya disebabkan tahap kerjasama responden yang tidak konsisten. Keterbatasan ini berpotensi mempengaruhi kebolehan wakil dapatan. Sehubungan itu, kajian masa hadapan wajar memperluaskan populasi kajian dan mempertimbangkan faktor tambahan seperti sikap terhadap risiko kewangan, pengaruh sosial, serta sokongan keluarga dalam menjelaskan hubungan antara tingkah laku hutang dan kesejahteraan kewangan. Selain itu, kajian masa depan wajar menemu bual pelajar secara kualitatif atau menggunakan soal selidik terperinci untuk memahami motivasi dan situasi sebenar di sebalik hutang kepada rakan sebaya. Pendekatan ini dijangka dapat memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang isu kesejahteraan kewangan dalam kalangan mahasiswa dan belia, sekali gus membantu pihak kerajaan, institusi pendidikan, dan badan pembiaya menyediakan dasar serta intervensi yang lebih efektif.

## **PENGHARGAAN**

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di atas pembiayaan bagi menjalankan penyelidikan ini di bawah Geran Inisiatif Penyelidikan EP-2024-036.

## **RUJUKAN**

- Abdullah, N., & Sabri, M. F. (2016). Faktor peramal pengurusan hutang dalam kalangan pekerja muda. *International Journal of Education and Training*, 2(2), 1–19.
- Abdullah, N., Fazli, S. M., & Arif, A. M. (2019). The relationship between attitude towards money, financial literacy and debt management with young worker's financial well-being. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*, 27(1), 361–387.
- Atkinson, A., & Messy, F. (2023). *Measuring Financial Literacy*. OECD International Network on Financial Education (INFE) pilot study.
- Bolognesi, A., Hasler, A., Patena, W., & Sibanda, W. (2020). Young financial literacy and overconfidence bias in the debt market. *International Journal of Business Performance Management, Inderscience Enterprise Ltd*, 21(1-2), 95–113. <https://doi.org/10.1504/IJBPM.2020.10027635>

- Cavalletti, B., Lagazio, C., Vandone, D., & Lagomarsino, E. (2023). Consumer Debt and Financial Fragility in Italy. <https://ideas.repec.org/p/mil/wpdepa/2014-08.html>
- Chavali, K., Raj, P. M., & Ahmed. (2021). Does financial behavior influence financial well-being? *Journal of Asian Finance, Economics and Business*, 8(2), 273–280. <https://doi.org/10.13106/jafeb.2021.vol8.no2.0273>
- Choi, Y. (2014). Debt and college students' life transitions: The effect of educational debt on career choice in America. *Journal of Student Financial Aid*, 44(1), 24–41. <https://doi.org/10.55504/0884-9153.1050>
- Consumer Financial Protection Bureau. (2019). *Financial well-being by state: Using data from the Financial Industry Regulatory Authority Foundation 2018 National Financial Capability Study*. U.S. Consumer Financial Protection Bureau. <https://www.consumerfinance.gov/data-research/research-reports/financial-well-being-state/>
- Dahlia I., Rabitah, H., & Zuraidah, M.I. (2009). A study on financial literacy of Malaysian Degree Student. *Cross-Cult. Commun*, 5(4), 51–59. <http://dx.doi.org/10.3968/j.ccc.1923670020090504.006>
- Dusia, S. L., Setyabudhi, K. N., & Malelak, M. I. (2022). The effect of debt attitude and peer influence on debt behavior. *International Journal of Financial, Accounting, and Management*, 4(4), 1–17. <https://doi.org/10.35912/ijfam.v4i4.1457>
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American journal of theoretical and applied statistics*, 5(1), 1–4. <https://doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Fan, L., & Babiarz, P. (2019). The determinants of subjective financial satisfaction and the moderating roles of gender and marital status. *Family and Consumer Sciences Research Journal*, 47(3), 237–259. <https://doi.org/10.1111/fcsr.12297>
- Fan, L., & Ryu, S. (2023). Financial debts and subjective well-being of young adults: An adaption of the stress process model. *Journal of Consumer Affairs*, 57(4), 1576–1604. <https://doi.org/10.1111/joca.12560>
- Hamidi, M. S., Bohman, B., Sandborg, C., Smith-Coggins, R., De Vries, P., Albert, M. S., & Trockel, M. T. (2018). Estimating institutional physician turnover attributable to self-reported burnout and associated financial burden: a case study. *BMC health services research*, 18(1), 1–8. <https://doi.org/10.1186/s12913-018-3663-z>
- Henry, G. T. (1990). *Practical sampling*. New York, United States: Sage Publications.
- Hibrahim, M. A. (2023, Januari 31). 73 peratus belia Malaysia berhutang. *Sinar Harian*.
- Jabatan Insolvensi Malaysia. (2022). Statistik muflis: Belia berusia 30 tahun ke bawah. <https://www.mdi.gov.my/wp-content/uploads/2025/05/briefMac2024.pdf>.

- Jamilakhon, K., Singh, J. S. K., Subramaniam, A., & Suppramaniam, S. (2020). Determinants of debt behavior. A quantitative study among Generation Y individuals in Tashkent, Uzbekistan. *TEST: Eng. Manag. J*, 82(1-2), 891–904.
- Leandro, J. C., & Botelho, D. (2022). Consumer over-indebtedness: A review and future research agenda. *Journal of Business Research*, 145, 535–551. <https://doi.org/10.1016/j.jbusres.2022.03.023>
- Muhamad, N. A. N., & Norwani, N. M. (2019). The influence of financial literacy, debt and demographic factors on financial well-being. *International Journal of Contemporary Applied Researches*, 6(6), 92–103.
- Netemeyer, R. G., Warmath, D., Fernandes, D., & Lynch, J. G. (2018). How am I doing? Perceived financial well-being, its potential antecedents, and its relation to overall well-being. *Journal of Consumer Research*, 45(1), 68–89. <https://doi.org/10.1093/jcr/ucx109>
- Nizam, M. S., & Norlita. (2021). Faktor-faktor yang mempengaruhi tingkah laku kewangan dalam kalangan pelajar Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. *Proceeding of the 8th International Conference on Management and Muamalah 2021 (ICoMM 2021)*, 78–86.
- Nyoto, Renaldo, N., Karuppannan, G., Bhuiyan, A. B., & Kumarasamy, M. M. (2021). The determinance of the financial behavior among graduate students in Indonesia. *Australian Finance & Banking Review*, 5(1), 29–42.
- O'Loughlin, D., & Szmigin, I. (2006). “I'll always be in debt”: Irish and UK student behaviour in a credit led environment. *Journal of Consumer Marketing*, 23(6), 335–343. <https://doi.org/10.1108/07363760610701878>
- Oquaye, M., Owusu, G. M. Y., & Bokpin, G. A. (2022). The antecedents and consequences of financial well-being: a survey of parliamentarians in Ghana. *Review of Behavioral Finance*, 14(1), 68–90. <https://doi.org/10.1108/RBF-12-2019-0169>
- Pak, T. Y., Fan, L., & Chatterjee, S. (2024). Financial socialization and financial well-being in early adulthood: The mediating role of financial capability. *Family Relations*, 73(3), 1664–1685. <https://doi.org/10.1111/fare.12959>
- Radianto, W. E., Effrata, T. C., & Dewi, L. (2020). A determinant of financial behavior on accounting student. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 44–55. <https://doi.org/10.35631/IJEPC.537004>
- Rahman, M., Isa, C. R., Masud, M. M., Sarker, M., & Chowdhury, N. T. (2021). The role of financial behaviour, financial literacy, and financial stress in explaining the financial well-being of B40 group in Malaysia. *Future Business Journal*, 7(1), 1–18. <https://doi.org/10.1186/s43093-021-00099-0>
- Raman, H. (2021, April 2). Beban liabiliti antara punca golongan muda sukar menyimpan. *Astro Awani*.

- Ramasamy, M., Kenayathulla, H. B., & Ghani, M. F. A. (2018). Faktor sosioekonomi yang mempengaruhi kemahiran literasi kewangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 10–33.
- Ramli, Z., Sum, S. M., & Ismail, H. (2013). Kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(2), 129–135.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental Research Statistics for the Behavioural Sciences*, 2nd edition. New York: Holt Rinehart & Winston.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. New York, United States: John Wiley & Sons.
- Tahir, M. S., & Ahmed, A. D. (2021). Australians' financial wellbeing and household debt: A panel analysis. *Journal of Risk and Financial Management*, 14(11), 513–526. <https://doi.org/10.3390/jrfm14110513>
- Wardana, A. A., Saputro, E. P., Wahyuddin, M., & Abas, N. I. (2022, June). The effect of convenience, perceived ease of use, and perceived usefulness on intention to use e-wallet. In *International Conference on Economics and Business Studies (ICOEBS 2022)* (pp. 386–395). Atlantis Press.
- Xiao, J. J. (2016). Consumer financial capability and wellbeing. In *Handbook of consumer finance research* (pp. 3–17). Cham: Springer International Publishing.
- Xiao, J. J., & Porto, N. (2022). Financial capability and wellbeing of vulnerable consumers. *Journal of Consumer Affairs*, 56(2), 1004–1018. <https://doi.org/10.1111/joca.12418>
- Zaimah, R., & Sarmila, M. S. (2013). Kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke VII*, 202–208.
- Ramasamy, M., Kenayathulla, H. B., & Ghani, M. F. A. (2018). Faktor sosioekonomi yang mempengaruhi kemahiran literasi kewangan pelajar sekolah menengah di Negeri Sembilan. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(3), 10–33.
- Ramli, Z., Sum, S. M., & Ismail, H. (2013). Kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 47(2), 129–135.
- Roscoe, J. T. (1975). *Fundamental Research Statistics for the Behavioural Sciences*, 2nd edition. New York: Holt Rinehart & Winston.
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2016). *Research methods for business: A skill building approach*. New York, United States: John Wiley & Sons.
- Tahir, M. S., & Ahmed, A. D. (2021). Australians' financial wellbeing and household debt: A panel analysis. *Journal of Risk and Financial Management*, 14(11), 513–526. <https://doi.org/10.3390/jrfm14110513>
- Wardana, A. A., Saputro, E. P., Wahyuddin, M., & Abas, N. I. (2022, June). The effect of convenience, perceived ease of use, and perceived usefulness on intention to use e-wallet.

In *International Conference on Economics and Business Studies (ICOEBS 2022)* (pp. 386–395). Atlantis Press.

Xiao, J. J. (2016). Consumer financial capability and wellbeing. In *Handbook of consumer finance research* (pp. 3–17). Cham: Springer International Publishing.

Xiao, J. J., & Porto, N. (2022). Financial capability and wellbeing of vulnerable consumers. *Journal of Consumer Affairs*, 56(2), 1004–1018. <https://doi.org/10.1111/joca.12418>

Zaimah, R., & Sarmila, M. S. (2013). Kesejahteraan kewangan dalam kalangan guru wanita. *Prosiding Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia (PERKEM) ke VII*, 202–208.